

NO. SOALAN: 14

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM]

TARIKH :

RUJUKAN : 10089

SOALAN:

Datuk Raime Bin Unggi [Tenom] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan faktor-faktor penurunan kadar jenayah yang mencapai ke tahap 47 peratus dari 2010 hingga 2016 dan bagaimana pelaksanaan Kementerian dalam menjayakan persepsi betul dan benar agensi-agensi di bawahnya terhadap rakyat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kerajaan untuk membanteras jenayah dan meningkatkan persepsi masyarakat adalah seperti berikut:

- i. ***High Profile Policing*** di mana-mana pegawai-pegawai kanan Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan “turun padang” bersama-sama anggota polis lain untuk bertemu dan beramah mesra dengan masyarakat;
- ii. **Program Kepolisan Komuniti (*Community Policing*)** seperti rondaan PDRM bersama Kawasan Rukun Tetangga (KRT) / Skim Rondaan Sukarela (SRS), ceramah keselamatan, dialog masyarakat dan perjumpaan Hari Bertemu Pelanggan;
- iii. **Kempen Bersama Membanteras Jenayah atau *United Against Crime* (UAC)** bagi meningkatkan penyertaan masyarakat bersama pihak berkuasa untuk membanteras jenayah;
- iv. **kerjasama dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam Program Bandar Selamat : Pemutihan Kawasan *Blackspot*;**

- v. kolaborasi dengan *Malaysia Crime Prevention Foundation* (MCPF) bersama PDRM dalam Program Pencegahan Jenayah;
- vi. pemerkasaan Unit Rondaan Bermotosikal (URB) bagi memantau kawasan perumahan;
- vii. penubuhan Pasukan Khas Taktikal Perisikan Narkotik (STING) bagi membanteras kegiatan pengedaran dadah. Penubuhan Pasukan Tindakan Khas Anti Maksiat, Judi dan Gangsterisme (STAGG) bagi tujuan penguatkuasaan anti kongsi gelap dan perjudian dan penubuhan Pasukan Petugas Khas Jenayah Terancang (STAFOC) bagi tujuan pencegahan jenayah berat dan terancang;
- viii. melaksanakan *Modern Policing* bagi meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap perkhidmatan PDRM khususnya di peringkat Balai. *Modern Policing* Fasa 1 telah dilaksanakan di 24 Balai Polis Kuala Lumpur pada tahun 2016 dan penambahbaikan *Modern Policing* Fasa 2 sedang dilaksanakan di 24 Balai Polis Kuala Lumpur pada tahun 2017;
- ix. Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) telah melaksanakan Program mendayaupaya komuniti dalam 64 kawasan

berisiko tinggi daripada 50 kawasan sasaran bagi 178 kawasan seluruh negara pada tahun 2017;

- x. AADK telah menguatkuasakan Seksyen 3(1) Akta Penagihan Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 [Akta 283] di 106 daerah daripada 80 daerah;
- xi. penambahbaikan Program Pemulihan Penjara melalui pengkategorian Penjara telah berjaya mengekalkan kadar residivis pada paras di bawah sasaran yang ditetapkan 9%, iaitu 8.59% bagi tahun 2016 sekaligus mencatatkan Malaysia sebagai negara paling rendah kadar residivis di kalangan negara-negara Asia iaitu di bawah 10%;
- xii. Pembangunan Program Selepas Pembebasan, sejumlah 14 buah Rumah Perantaraan (RP) telah diwujudkan di seluruh negara. Kemudahan ini telah memberi manfaat kepada 2,925 orang bekas banduan dan kini mereka sedang menjalani kehidupan normal dan mempunyai pekerjaan; dan
- xiii. Program Penjara Industri, Jabatan Penjara Malaysia telah mewujudkan industri roti berskala besar di bawah Program Sara Diri (*Self Sufficient*) dan Program Persijilan Kemahiran di mana dari tahun 2012 hingga 2017 seramai 11,660 penghuni telah memperolehi Sijil Kemahiran Malaysia di bawah Program Sistem Latihan Dual Nasional, Jabatan

Pembangunan Kemahiran dan Sijil Kemahiran Kecekapan di bawah *Program Construction Industry Development Board* (CIDB) serta Sijil Asas Kemahiran Jangka Pendek dari Institusi Latihan Kemahiran.